



ANTARA penduduk yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Dewan Kampung Lutong, Sebuyau semalam.



DUA beradik kembar, Khairil Ramzi Ismail (kiri) dan Khairil Radzi Ismail sempat menaiki sampan ketika berada di SK Temai, Pekan.



ESA ABD. SAMAS (kiri) dan isterinya, Fauziah Putih menunjukkan limpahan air banjir di depan rumah mereka di Kampung Pogoh, Segamat.

Pekan mencatat jumlah tertinggi melibatkan 10 pusat pemindahan 3,003 mangsa banjir dipindahkan

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN,
GHAZALI ALIAS dan TAUFIK SALIMIN

KUANTAN - Bilangan mangsa banjir di tiga negeri terlibat terus meningkat kepada 3,003 orang daripada 797 keluarga dengan Pahang merekodkan jumlah tertinggi iaitu seramai 1,532 mangsa setakat petang semalam.

Menurut Info Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 14 pusat pemindahan sementara dibuka di dua daerah di Pahang iaitu Rompin dan Pekan melibatkan kira-kira 396

buah keluarga.

Daerah Pekan mencatat jumlah mangsa tertinggi iaitu 1,238 orang dan ditempatkan di 10 buah pusat pemindahan antaranya di Sekolah Kebangsaan (SK) Merchong Jaya, Sekolah Sinar Mutiara Sungai Miang, Balai Raya Kampung Tanjung Pulau dan SK Permatang Keledang dan di Pusat Pemindahan Banjir Kampung Pulau Manis.

Empat pusat pemindahan turut dibuka di Rompin melibatkan 294 mangsa daripada 81 buah keluarga.

INFO

Banjir di Malaysia 2018

Negeri	Bilangan mangsa	Keluarga	Pusat pemindahan
Pahang	1,532	396	14
Johor	1,374	376	13
Sarawak	97	25	1

(Sehingga pukul 7 malam)

Di Johor, jumlah mangsa banjir ialah seramai 1,374 orang melibatkan daerah Mersing, Segamat dan Kota Tinggi.

Jumlah mangsa banjir tertinggi yang dipindahkan adalah di Mersing iaitu 1,239 orang daripada 347 keluarga.

Kesemua mereka kini ditempatkan di lapan pusat pemindahan sementara antaranya di Balai Raya Kampung Tenglu Besar, SK Mersing Kanan dan Sekolah Agama Kampung Pengkalan Batu.

Daerah Segamat pula merekodkan jumlah mangsa yang dipindahkan seramai 103 orang manakala di Kota Tinggi, seramai 32 mangsa daripada tujuh keluarga kini ditempatkan di

Balai Raya dan Surau Kampung Perepat.

Di Sarawak, jumlah mangsa banjir di daerah Samarahan mencatat peningkatan kepada 97 orang berbanding 52 mangsa pada Sabtu.

Jurucakap Sekretariat Jabatan Pengurusan Bencana Negeri berkata, penambahan 46 lagi mangsa banjir itu susulan peningkatan paras air Sungai Samarahan akibat hujan lebat.

Katanya, kesemua mangsa kini ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Kampung Lutong, Sebuyau.